



BH
Berita Harian

JUMAAT, 6 MEI 2016

klassifieds

LANGGANI SEKARANG!

edisi digital

NST DIGITAL + BH + HM e-Paper

<http://subscription.nstp.com.my>

1300 22 6787

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan) | +603 2299 6000 (Antarabangsa)



Langkah Memandikan Kucing

1. Teliti bahagian badannya sekiranya terdapat luka kemudian basahkan perlahan-lahan keseluruhan badan dengan air suam terutama bagi kucing jenis berbulu panjang.
2. Sapukan shampoo dengan rata setelah air membasahi seluruh badan kucing dengan berhati-hati terutama jika kucing anda mempunyai luka.
3. Kemudian urutkan badan kucing dengan perlahan. Pastikan shampoo tidak terkena pada mata dan hidung kucing selama 3-10 minit.
4. Bilas dengan air suam.
5. Dengan cermat, keringkan badan kucing anda dengan tuala diikuti dengan pengering rambut.

DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN

DAPATKAN
DI SINI!

AUTO



Kereta
Trak
Bas

NOTIS



Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am

KLASIFIKASI AM



Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH



Rumah
Kodai

KERJAYA



Sepuluh masa
Sepuluh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN



Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum

LELONGAN/
GUAMAN



Hartanah
Lelongan
Guaman

PENJAGAAN KUCING

TELATAH binatang peliharaan seperti kucing atau fikus belanda atau hamster menjadi penghibur dan menghilangkan penat selepas seharian di sekolah.

Sifat haiwan yang manja, berbulu lembut dan comel serta keletahannya aktif sememangnya mampu membuat pemiliknya merasa tenang dan pengubat kesunyian.

Seperti manusia, haiwan peliharaan ini memerlukan penjagaan teliti supaya tidak mudah jatuh sakit.

Kebersihan perlu diberi perhatian selain memastikan rumah sentiasa bersih.

Selain memastikan persekitaran tempat tinggal binatang sentiasa bersih, penjaga perlu menyediakan makanan dan minuman mengikut jadual.

Bagaimanapun, diet yang seimbang saja tidak mencukupi kerana binatang memerlukan pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa.

Suntikan vaksin mengikut jadual penting bagi memastikan sistem tahan badannya sentiasa terjamin bagi mengelak sebarang jangkitan.

Spesies yang sesuai dipelihara golongan remaja ialah daripada kategori berbulu pendek seperti 'British Short Hair'. Spesies ini mudah dijaga. Bulu yang pendek tidak mengotorkan rumah.

Bagi mengelakkan rumah berbau, gunakan pasir kumbahan daripada material kristal atau karbon untuk menyerap bau kurang menyenangkan.

Jenis kucing

Terdapat lebih 40 baka kucing di negara ini dan ia dibahagikan kepada empat kumpulan besar iaitu tempatan untuk kucing berbulu panjang, berbulu pendek. Spesies luar negara pula ialah, Siam dan bulu pendek.

Antara jenis kucing yang berbulu pendek ialah American Bobtail, Japanese Bobtail, American Curl, Munchkin dan Russian Blue.

Berbulu semi panjang Maine Coon, Ragdoll, Siberian Forest Cat, Turkish Van dan Birman.

Berbulu panjang adalah seperti Persia atau Parsi.

Jika anda menyukai si comel yang berbulu lebat, anda boleh memilih Parsi, Himalaya atau Tabby. Namun, jenis kacukan juga menghasilkan kucing yang cantik.

Selain itu, pemilik perlu mengenal pasti jenisnya dengan betul kerana setiap satu mempunyai tingkah laku berlainan tetapi kucing biasanya aktif dan setia pada penjaganya.

